

Dr. Mahathir rasmi Pameran Khemah Islam Benua Asia

10 JAN 2003

KUALA LUMPUR 9 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Pameran Khemah-Khemah Islam Benua Asia yang pertama kali diadakan di luar Muzium Etnografi Hamburg di Jerman.

Pameran bertemakan 'Menjangkau Batasan: Khemah-Khemah Dunia Islam' itu akan berlangsung di Muzium Kesenian Islam Malaysia selama empat bulan setengah sehingga 31 Mei ini.

Ia mempamerkan lima khemah utama dari Asia Tengah iaitu khemah kekisi buluh orang Kirghistan, Turkmenistan dan Mongolia, khemah bulu kambing hitam masyarakat nomad Turki serta khemah bertiang satu yang unik dari Mesir.

Kecuali khemah istiadat perkahwinan dari Mesir yang merupakan milik Muzium Kesenian Islam Malaysia, keempat-empat khemah lain diterbangkan khas dari Jerman.

Dr. Mahathir menyifatkan pameran itu amat menarik kerana memaparkan koleksi artifak yang sangat bernilai dalam kehidupan dan budaya umat Islam.

"Khemah sentiasa dikaitkan dengan budaya umat Islam kerana kebanyakan mereka hidup secara nomad di padang pasir sebagai penggembala binatang.

"Pameran ini memberi pengalaman yang menarik kepada pengunjung muzium untuk merasai sendiri keselesaan dan ketidakselesaan masyarakat nomad dari negara-negara terba-

bit," katanya ketika berucap merasmikan pameran itu.

Hadir sama Pengarah Muzium Kesenian Islam Malaysia, Syed Mohamad Albukhary dan Pengarah Muzium Etnografi Hamburg, Jerman, Prof. Dr. Wulf Kopke.

Ketua Kurator Muzium Kesenian Islam Malaysia, Dr. Mandana Barkeshli berkata, sebanyak RM1 juta dibelanjakan untuk membawa khemah-khemah tersebut yang terpaksa menggunakan kepakaran dua pakar dari Jerman.

"Ini adalah pameran yang sungguh istimewa kerana kebanyakan muzium di dunia tidak berani membawa pameran ini ke tempat mereka kerana melibatkan kos dan kepakaran yang tinggi," katanya.